



Sarjana Filem dilancar

MENENTERI Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz (tengah) menerima bunga telor dari penyambut tetamu di majlis pelancaran Syarikat Filem Sarjana di Kuala Lumpur kelmarin. Duduk di kanannya ialah Encik Ahmad Bashir, suami Datin Paduka Rafidah sementara di kirinya ialah Produser Sarjana Filem Puan Zaiton Aziz.

Sarjana Filem akan memulakan pengambaran pengambaran filem 'Sikit Punya Gila' arahan Raja Ismail pertengahan Julai ini.

Kira-kira 500 jemputan menghadiri majlis tersebut.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Rafidah: Filem Melayu kini boleh saingi keluaran 50an

KUALA LUMPUR, Selasa — Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz menyangkal dakwaan kononnya keadaan filem Melayu masa kini tidak dapat menandingi zaman kegemilangan filem-filem Melayu di tahun lima puluhan.

"Bagi saya, tidak ada sebab mengapa dunia perfileman Melayu tidak boleh memasuki zaman kegemilangan yang baru," tegas beliau ketika zaman kegemilangan filem suhng terbitan Syarikat Sarjana Filem di sebuah hotel di sini, malam tadi.

Menurut Datin Paduka Rafidah, perkembangan filem Melayu masa kini perlu mengesan segala perubahan di antara masyarakat Melayu.

"Supaya inisiasi filem-filem Melayu dapat disesuaikan dengan perubahan masa," jelasnya.

Masyarakat Melayu hari ini, katanya, sudah bertukar dari nilai-nilai, keutamaan dan cita-rasanya dengan memberikan tekanan kepada perkara-perkara yang berbeza dari generasi penonon filem di masa lalu.

Dengan kelahiran sebuah lagi syarikat filem Bumiputera yang baru itu, beliau menifatkan betapa kemampuan golongan Bumiputera untuk menciburkan diri secara efektif di bidang pengeluaran dan pendedaran filem.

"Saya berharap, syarikat baru ini bersama syarikat filem Bumiputera yang lain, dapat menjadi golongan penting dalam dunia perfileman dan mendapat tempat yang teguh," ujar beliau.

Datin Paduka Rafidah juga berharap agar persaingan di kalangan syarikat filem Bumiputera itu menimbulkan suasana pertandingan yang sihat dengan matlamat untuk memperbaiki mutu pengeluaran filem kita.

Kira-kira 500 hadirin termasuk barisan artis turut hadir di majlis pelancaran filem komedi "Sikit Punya Gila" arahan Raja Ismail itu.

Antara barisan pelakon filem tersebut terdiri — Hamid Gorkha, Norlia Ramlil, pendatang baru Nora Samudrin, Yusof Haslam, Yusni Janfar, R.Janfar, Dhalan Zainuddin, Uji Rashid dan ramai lagi.